

B508

MAHATHIR 'a'a'a

1981

PULAU PINANG, 21 NOV. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN KUMPULAN MINORITI MENGGUNAKAN KUMPULAN PENDESAK UNTUK MENGUNGKIT-UNGKIT DASAR-DASAR ATAU PERKARA-PERKARA YANG TELAH DIPERSETUJUI DALAM SISTEM DEMOKRASI IALAH SATU PENENTANGAN TERHADAP DEMOKRASI ITU SENDIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA HAKIKAT INI HENDAKLAH SENTIASA DI SEDARI OLEH RAKYAT KERANA DI MASA-MASA LALU TELAH BERKALI-KALI SETENGAH-SETENGAH PIHAK MENJADIKAN DIRI MEREKA SEBAGAI KUMPULAN PENDESAK ATAU MENGGUNAKAN KUMPULAN PENDESAK UNTUK MENGUGAT KEADAAN TENANG DALAM NEGARA.

KATANYA, TINDAK-TANDUK UNTUK MENGUNGKIT DASAR-DASAR YANG TELAH DIPERSETUJUI DENGAN MENGGUNAKAN SENTIMEN KUMPULAN PENDESAK OLEH MANA-MANA PIHAK AKAN MENDATANGKAN KESAN BURUK.

BELIAU MENEGASKAN SEMUA DASAR YANG TELAH DIRUMUSKAN UNTUK NEGARA TELAH DIGUBAL DENGAN TUJUAN MENCAPAI MATLAMAT KEMAKMURAN, KESEJEHTERAAN DAN PERPADUAN.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-10 PARTI GERAKAN DI DEWAN SRI PINANG DI SINI. LEBIH 2,000 ORANG TERMASUK PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MENGHADIRI MAJLIS ITU. - BERSAMBUNG 12215/BW

B509:

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENGERSUSI BARISAN NASIONAL BERKATA DALAM SESEBUAH MASYARAKAT MAJUMUK SEPERTI MALAYSIA APA YANG DIPERLUKAN IALAH USAHA DAN TINDAKAN DAN DIKURANGKAN PERCAKAPAN DAN PERSENGKETAAN.

KATANYA DI DALAM SUASANA MASYARAKAT BERBILANG KAUM SESUATU ISU BOLEH DIPUTAR BELITKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU UNTUK MENINGKATKAN SENTIMEN PERKAUMAN DENGAN TUJUAN MEWUJUDKAN BARISAN KUMPULAN PENDESAK TERHADAP ISU TERSEBUT.

KEADAAN SEPERTI INI, MENURUTNYA, AKAN HANYA MELAMBAT-LAMBATKAN PENCAPAIAN MATLAMAT PERPADUAN NEGARA KERANA ISU-ISU YANG DIBAKARKAN DENGAN SENTIMEN PERKAUMAN ATAU KEDAERAHAN AKAN HANYA MENIMBULKAN KERAGUAN DALAM FIKIRAN RAKYAT.

KATANYA JIKA KEADAAN INI SETERUSNYA DIKEROHKAN LAGI OLEH PIHAK-PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB MAKA KEKACAUAN BOLEH DITIMBULKAN.

BELIAU BERHARAP SEMUA PIHAK AKAN MENYEDARI BAHAWA KEADAAN SEPERTI INI TIDAK AKAN MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA MANA-MANA PIHAK BAIK PADA MASA SEKARANG ATAU BAGI JENERASI AKAN DATANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEWIBAWAAN BARISAN NASIONAL SANGAT BERGANTUNG KEPADA PERPADUAN PARTI-PARTI KOMPONENNYA.

- BERSAMBUNG 1220/LK

B510:
MAHATHIR 3 PULAU PINANG

BELIAU MENYERU PARA ANGGOTA BARISAN NASIONAL SUPAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGUKUHKAN KEWIBAWAAN PARTI KERANA KELEMAHAN BARISAN NASIONAL BOLEH MENDATANGKAN KEMEROSOTAN KEPADA KESTABILAN POLITIK. IA JUGA BOLEH MENIMBULKAN MASALAH KEPADA EKONOMI NEGARA YANG SELAMA INI KUKUH DAN DAPAT DIJAMIN BERKEMBANG PADA KADAR YANG TINGGI.

"OLEH ITU SEBARANG KEMUSKILAN ATAU PERSELISEHAN DIKALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN HENDAKLAH DIATASI MELALUI JENTERA YANG WUJUD TANPA DIHEBOH-HEBOHKAN ATAU DIPERBESAR-BESARKAN MENURUSI AKHBAR DAN MEDIA MASSA," KATANYA.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU HAIRAN MASIH ADA SETENGAH-SETENGAH PIHAK, DENGAN CARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG TELAH MENUNJUKKAN MEREKA KURANG YAKIN ATAUPUN KURANG FAHAM MENGENAINYA.

BELIAU MENEGASKAN DASAR EKONOMI BARU TELAH DIGUBAL DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA KAUM, GOLONGAN DAN KAWASAN SERTA KEPENTINGAN NEGARA.

KATANYA OLEH ITU TENTULAH TIDAK WAJAR, MALAH DALAM SUASANA NEGARA ADALAH MERBAHAYA SEKALI JIKA PERIMBANGAN EKONOMI TIDAK WUJUD DI KALANGAN KAUM DAN USAHA-USAHA KE ARAHNYA TIDAK DIBUAT. — BERSAMBUNG 1225/LK

B511:
MAHATHIR 4 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PIHAK-PIHAK ATAU INDIVIDU YANG HANYA MEMIKIRKAN UNTUK MENGUMPUL KEKAYAAN BAGI DIRI SENDIRI ADALAH SEOLAH-OLAH MENCURAHKAN MINYAK KE API.

"BEGITU JUGA MEREKA YANG ENGGAN BERUSAHA MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA AKAN KETINGGALAN MASA DAN AKAN MENGALAMI KEPAHITAN HIDUP.

"JIKA PERKARA YANG TIDAK DIINGINI INI BERLAKU MEREKA TIDAK BOLEH MENYALAHKAN ORANG LAIN TETAPI DIRI MEREKA SENDIRI."

KATANYA DALAM KONTEKS DASAR EKONOMI BARU SEBARANG, GALAKAN DAN BANTUAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHASILKAN KEJAYAAN PADA SESEORANG DALAM BIDANG EKONOMI KECUALI IA SANGGUP MENGUBAH NASIBNYA SENDIRI. — BERNAMA 1227/LK